A

PP

lwn.

ADAM ADLI ABD HALIM & YANG LAIN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
KAMARDIN HASHIM H
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 43-14-09-2013]
21 NOVEMBER 2013

C

PROSEDUR JENAYAH: *Semakan - Kuasa semakan Mahkamah Tinggi - Responden-responden didakwa melakukan kesalahan menghasut dalam satu ceramah - Responden-responden dituduh secara berasingan - Sama ada satu transaksi yang sama - Sama ada perintah hakim bicara*
D *wajar - Sama ada mahkamah mempunyai budi bicara membicarakan tertuduh secara berasingan - Kanun Tatacara Jenayah, s. 170*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Hasutan 1948 - Seksyen 4(1)(b) - Responden-responden didakwa melakukan kesalahan menghasut*
E *dalam satu ceramah - Semakan - Kuasa semakan mahkamah - Responden-responden dituduh secara berasingan - Sama ada satu transaksi yang sama - Sama ada perintah hakim bicara wajar - Sama ada mahkamah mempunyai budi bicara membicarakan tertuduh secara berasingan - Kanun Tatacara Jenayah, s. 170*

F Responden-responden telah dituduh secara berasingan di bawah s. 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 atas kesalahan melakukan perbuatan menghasut dengan mengeluarkan kata-kata hasutan dalam satu program ceramah yang sama di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor. Setiap pertuduhan terhadap setiap
G responden adalah berbeza dari segi kata-kata menghasut. Pada 13 September 2013, Hakim Mahkamah Sesyen telah menolak permohonan pemohon supaya kes-kes tersebut dibicarakan serentak dan mengarahkan ia dibicarakan secara berasingan. Pemohon, oleh itu, di bawah kuasa-kuasa yang diperuntukkan
H dalam Bab XXXI Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') membuat permohonan untuk menyemak dan mengenepikan perintah hakim bicara. Adalah dihujahkan bahawa s. 170 KTJ memberikan pengecualian kepada prinsip asas, iaitu seorang tertuduh satu perbicaraan. Dihujahkan lagi, semua responden dituduh melakukan
I kesalahan menghasut iaitu (i) pada tarikh dan masa yang sama;

(ii) di tempat yang sama; (iii) dalam satu program ceramah yang sama, yang dibahagikan kepada beberapa slot bagi setiap responden; dan (iv) melibatkan saksi-saksi serta barang kes yang sama. Oleh itu, dihujahkan bahawa terdapat *continuity of action*, *common purpose or design* iaitu menghasut yang merupakan satu transaksi yang sama. Pihak responden, walau bagaimanapun, menghujahkan bahawa jika terdapat keraguan tentang kemungkinan berlakunya prejudis atau ketidakadilan kepada mana-mana pihak, maka lebih elok perbicaraan diadakan secara berasingan untuk mengelak risiko perbicaraan bersama diisytiharkan tidak sah di peringkat rayuan. Menurut pihak responden lagi, sekiranya perbicaraan bersama diadakan, berkemungkinan hakim bicara akan terpengaruh dengan ucapan lain-lain responden dalam menentukan ucapan seorang responden sebagai menghasut. Sekiranya keadaan ini berlaku, dihujahkan akan menimbulkan prejudis dan ketidakadilan terhadap responden-responden. Di hadapan yang arif hakim, isu yang berbangkit adalah sama ada mahkamah mempunyai kuasa budi bicara untuk membicarakan beberapa orang tertuduh secara berasingan atau secara bersama.

Diputuskan (menolak permohonan):

(1) Seksyen 323 KTJ telah memberikan kuasa budi bicara yang cukup luas kepada mahkamah untuk menyemak keputusan, dapatan atau perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah bawahan dari segi ketepatan, keesahan atau kesesuaiannya. Pemohon boleh membuat permohonan dalam keadaan-keadaan yang dinyatakan di bawah s. 170 KTJ untuk perbicaraan diadakan secara bersama namun kata akhir adalah di tangan hakim bicara dalam menentukannya. Dalam membuat keputusannya, seorang hakim bicara hendaklah mengambil kira mengenai kesesuaian perbicaraan diadakan secara bersama setelah menimbangkan faktor prejudis dan keadilan kepada semua pihak terutama pihak tertuduh. (perenggan 14 & 16)

(2) Setelah mengambil kira bantahan peguambela mengenai isu prejudis dan ketidakadilan yang bakal timbul terhadap responden-responden, hakim bicara dalam kes ini menolak permohonan pemohon untuk perbicaraan secara bersama. Beliau berhak membuat keputusan menolak permohonan pemohon tersebut setelah mendapati pertuduhan-pertuduhan terhadap responden-responden tidak sesuai untuk dibicarakan secara bersama. Perintah hakim bicara adalah tepat, sah dan

A sesuai di dalam keadaan kes terhadap responden-responden. Tiada merit dalam permohonan pemohon untuk mengubah perintah hakim bicara dan perintah tersebut wajar dikekalkan. (perenggan 18 & 20)

B **Kes-kes yang dirujuk:**
Chin Choy v. PP [1955] 1 LNS 17 HC ***(dirujuk)***
Datuk Hj Wasli Mohd Said v. PP & Another Case [2006] 6 CLJ 1 HC ***(dirujuk)***
Ibrahim Amat v. PP [2011] 9 CLJ 153 CA ***(dirujuk)***
PP v. Loh Ang Sing [1964] 1 LNS 145 HC ***(dirujuk)***
C *SA Jamil Md Yusof v. PP [2002] 7 CLJ 132 HC* ***(dirujuk)***
Shaafie Saibi v. PP [2009] 3 CLJ 364 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 170, 323

D *Bagi pihak pemohon - Azlina Rasdi (Kee Wei Lon bersamanya); TPR*
Bagi pihak responden 1, 2 & 6 - Michelle Yesudas; T/n Edwin Lim Suren & Soh
Bagi pihak responden 3 & 4 - Azizzul Shariman; T/n Azizzul & Ariff
Bagi pihak responden 6 - Gobind Singh Deo; T/n Gobind Singh Deo & Co

E *Dilaporkan oleh Shah Saharudin*

PENGHAKIMAN

F **Kamardin Hashim H:**

Permohonan

[1] Melalui surat bertarikh 18 September 2013, pihak pemohon
G telah memohon kepada mahkamah ini untuk "... dapat menyemak dan mengenepikan perintah puan HMS dalam tidak membenarkan perbicaraan bersama dan membenarkan permohonan pihak pendakwaan supaya kes-kes tersebut dapat dibicarakan bersama bagi menjimatkan masa dan kos semua pihak yang terlibat".

H **[2]** Dalam surat yang sama, pemohon telah menggariskan latar belakang permohonan mereka, seperti berikut:

> 2. Izinkan saya memaklumkan bahawa OKT bagi kes pertama telah dituduh di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948
I pada 22.5.2013 di Mahkamah Sesyen (1) Kuala Lumpur manakala OKT-OKT bagi kes yang lain telah dituduh pada

29.5.2013 di bawah pertuduhan dan Mahkamah yang sama. Sesalinan kertas-kertas pertuduhan terhadap OKT-OKT dilampirkan sebagai 'A'.

3. Pihak Pendakwa Raya kemudiannya telah memaklumkan kepada pihak Mahkamah dan juga pihak Peguambela OKT-OKT bahawa Pihak Pendakwaan didalam kes ini berhasrat untuk membuat satu permohonan di bawah Seksyen 170 Tatacara Jenayah supaya kes-kes tersebut dapat dibicarakan serentak pada masa perbicaraan kelak. Sesalinan surat makluman tersebut dilampirkan sebagai 'B'.

4. Permohonan tersebut telah dibuat secara lisan ketika tarikh Pengurusan Kes pada 20.8.2013. Puan Hakim Mahkamah Sesyen (1) ('HMS') setelah mendengar hujahan semua pihak, telah menetapkan tarikh 13.9.2013 bagi keputusan permohonan tersebut. Puan HMS pada 13.9.2013 telah menolak permohonan pihak Pendakwaan dan mengarahkan supaya kes-kes tersebut dibicarakan secara berasingan.

5. Pihak Pendakwaan berpendapat bahawa permohonan pihak Pendakwaan di bawah Seksyen 170 Kanun Tatacara Jenayah tersebut patut dibenarkan oleh Puan HMS atas alasan-alasan berikut:

Section 170 When persons may be charged jointly

(1) ...

(2) ...

(i) OKT-OKT di dalam kes ini telah dituduh melakukan perbuatan menghasut melibatkan tarikh dan masa yang sama iaitu pada 13 Mei 2013, antara jam 8.55 malam sehingga 11.15 malam.

(ii) OKT-OKT di dalam kes ini telah dituduh melakukan perbuatan menghasut melibatkan tempat yang sama iaitu di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor, beralamat di No 1, Jalan Maharaja Lela, Dang Wangi, dalam Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

(iii) OKT-OKT di dalam kes ini telah dituduh melakukan perbuatan menghasut dengan mengeluarkan kata-kata hasutan di dalam satu program ceramah yang sama, dibahagikan kepada beberapa slot bagi setiap seorang OKT.

(iv) Saksi-saksi dan ekshibit-ekshibit Pendakwaan yang bakal dipanggil dan digunakan untuk membuktikan pertuduhan terhadap kesemua OKT-OKT melibatkan saksi dan ekshibit yang sama.

[3] Permohonan pemohon di sini dibuat di bawah kuasa-kuasa yang diperuntukkan dalam Bab XXXI Kanun Tatacara Jenayah ("KTJ") mengenai kuasa-kuasa semakan oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi terhadap ketepatan, keesahan atau kesesuaian sesuatu dapatan, hukuman atau pun perintah yang dikeluarkan atau diluluskan; dan keteraturan sesuatu prosiding oleh mahkamah bawahan.

Pertuduhan

[4] Untuk tujuan prosiding ini dan bagi mencapai keputusan tersebut, mahkamah ini telah memperolehi nota prosiding serta salinan kertas pertuduhan bersama pertuduhan ("rekod prosiding") yang dikenakan terhadap setiap responden. Semakan terhadap rekod prosiding adalah didapati bahawa setiap responden telah dipertuduhkan secara berasingan masing-masing dengan satu pertuduhan sebagaimana berikut (lihat lampiran 'A' kepada surat permohonan pemohon bertarikh 18 September 2013):

> Kes Tangkap No. 62-494-05-2013 terhadap Responden 1 (Adam Adli)
>
> Bahawa kamu pada 13 Mei 2013 jam antara 8.55 malam dan 11.15 malam, di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor, beralamat No: 1, Jalan Maharaja Lela, Dang Wangi, dalam Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah memberikan ucapan dalam ceramah dengan menyebut kata-kata yang menghasut sepertimana ayat-ayat yang bergaris dalam LAMPIRAN A kepada pertuduhan ini, yang mempunyai kecenderungan bagi membangkitkan rakyat negara Malaysia supaya cuba mendapatkan diubah kerajaan yang tertubuh menurut undang-undang yang memerintah negara Malaysia, dengan apa-apa cara lain daripada cara yang sah; dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) dan boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

Kes Tangkap No. 62-520-05-2013 terhadap Responden 2 (Tian Chua)

Bahawa kamu pada 13 Mei 2013 jam antara 8.55 malam dan 11.15 malam, di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor, beralamat No: 1, Jalan Maharaja Lela, Dang Wangi, dalam Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah memberikan ucapan dalam ceramah dengan menyebut kata-kata yang menghasut sepertimana ayat-ayat yang bergaris dalam LAMPIRAN A kepada pertuduhan ini, yang mempunyai kecenderungan bagi membangkitkan rakyat negara Malaysia supaya cuba mendapatkan diubah kerajaan yang tertubuh menurut undang-undang yang memerintah negara Malaysia, dengan apa-apa cara lain daripada cara yang sah; dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) dan boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

Kes Tangkap No. 62-521-05-2013 terhadap Responden 3 (Muhammad Safuan)

Bahawa kamu pada 13 Mei 2013 jam antara 8.55 malam dan 11.15 malam, di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor, beralamat No: 1, Jalan Maharaja Lela, Dang Wangi, dalam Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah memberikan ucapan dalam ceramah dengan menyebut kata-kata yang menghasut sepertimana ayat-ayat yang bergaris dalam LAMPIRAN A kepada pertuduhan ini, yang mempunyai kecenderungan bagi membangkitkan rakyat negara Malaysia supaya cuba mendapatkan diubah kerajaan yang tertubuh menurut undang-undang yang memerintah negara Malaysia, dengan apa-apa cara lain daripada cara yang sah; dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) dan boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

Kes Tangkap No. 62-522-05-2013 terhadap Responden 4 (Tamrin Ghafar)

Bahawa kamu pada 13 Mei 2013 jam antara 8.55 malam dan 11.15 malam, di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor, beralamat No: 1, Jalan Maharaja Lela, Dang Wangi, dalam Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah memberikan ucapan dalam ceramah dengan menyebut kata-kata yang menghasut sepertimana ayat-ayat yang bergaris dalam LAMPIRAN A kepada pertuduhan ini, yang mempunyai kecenderungan bagi membangkitkan rakyat negara

Malaysia supaya cuba mendapatkan diubah kerajaan yang tertubuh menurut undang-undang yang memerintah negara Malaysia, dengan apa-apa cara lain daripada cara yang sah; dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) dan boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

Kes Tangkap No. 62-523-05-2013 terhadap Responden 5 (Haris Ibrahim)

Bahawa kamu pada 13 Mei 2013 jam antara 8.55 malam dan 11.15 malam, di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor, beralamat No: 1, Jalan Maharaja Lela, Dang Wangi, dalam Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah memberikan ucapan dalam ceramah dengan menyebut kata-kata yang menghasut sepertimana ayat-ayat yang bergaris dalam LAMPIRAN A kepada pertuduhan ini, yang mempunyai kecenderungan bagi membangkitkan rakyat negara Malaysia supaya cuba mendapatkan diubah kerajaan yang tertubuh menurut undang-undang yang memerintah negara Malaysia, dengan apa-apa cara lain daripada cara yang sah; dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) dan boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

Kes Tangkap No. 62-527-05-2013 terhadap Responden 6 (Hishamuddin Rais)

Bahawa kamu pada 13 Mei 2013 jam antara 8.55 malam dan 11.15 malam, di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor, beralamat No: 1, Jalan Maharaja Lela, Dang Wangi, dalam Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah memberikan ucapan dalam ceramah dengan menyebut kata-kata yang menghasut sepertimana ayat-ayat yang bergaris dalam LAMPIRAN A kepada pertuduhan ini, yang mempunyai kecenderungan bagi membangkitkan rakyat negara Malaysia supaya cuba mendapatkan diubah kerajaan yang tertubuh menurut undang-undang yang memerintah negara Malaysia, dengan apa-apa cara lain daripada cara yang sah; dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) dan boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

[5] Pemerhatian terhadap setiap pertuduhan terhadap setiap responden menunjukkan apa yang dinyatakan oleh puan TPR yang bijaksana, Azlina Rasdi ada kebenarannya tentang perkara-perkara bahawa tarikh dan masa dalam pertuduhan adalah sama iaitu pada

13 Mei 2013, jam antara 8.55 malam sehingga 11.15 malam; tempat yang sama iaitu di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor, beralamat No. 1, Jalan Maharaja Lela, Dang Wangi, dalam Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; di dalam satu program ceramah yang sama tetapi dibahagikan kepada beberapa slot bagi setiap seorang responden; dan saksi serta ekshibit yang sama. Di dalam rekod prosiding, Puan TPR menyatakan hanya akan memanggil seramai lima orang saksi bagi membuktikan kes pihak pendakwaan. Saksi utama adalah seorang pengadu yang sama bagi setiap kes iaitu pegawai kanan polis G/17217 Awang Jaafar Bahagia bin Awang Salihin.

[6] Apa yang membezakan bagi setiap pertuduhan terhadap setiap responden adalah kata-kata yang menghasut yang dikeluarkan oleh setiap responden sepertimana ayat-ayat yang bergaris dalam lampiran A bagi setiap pertuduhan terhadap responden yang kononnya mempunyai kecenderungan bagi membangkitkan rakyat negara Malaysia supaya cuba mendapatkan diubah kerajaan yang tertubuh secara sah menurut undang-undang. Oleh itu lampiran A adalah penting untuk diperhatikan dan diteliti oleh hakim bicara dalam menentukan sama ada ayat-ayat yang bergaris tersebut berbaur hasutan dan mempunyai kecenderungan untuk rakyat Malaysia menukar kerajaan dengan tanpa menurut peruntukan undang-undang negara Malaysia yang sah.

[7] Oleh yang demikian adalah penting untuk diperturunkan ayat-ayat yang bergaris dalam lampiran A yang disertakan bersama setiap pertuduhan terhadap setiap responden seperti di bawah ini:

Terhadap responden 1 (Adam Adli)

Sedara-sedari sabar. Saya tak naik atas pentas ini hanya untuk ceritakan sejarah. Saya nak naik atas pentas ini hanya nak bagi analisa atau sebagainya. Saya naik sebab saya percaya kita tak boleh tunggu lagi lima tahun untuk tumbangkan UMNO. Kita tak mampu tunggu lagi lima tahun untuk tumbangkan UMNO Barisan Nasional. Lagi lima tahun, negara ini tahun 2018, saya tak larat tunggu sampai 2018. Tahun 2013 ini, kita akan bersama-sama turunkan UMNO Barisan Nasional dan kita terajang mereka keluar dari Putrajaya. Sedara, kalau ada polis, kalau ada SB, kalau adalah ejen ejen daripada UMNO sekalipun, nama saya Adam Adli bin Abdul Halim. Nombor kad pengenalan 890703075357. Ambil butiran saya, buat laporan polis, kerana hari ini, saya nak

ajak semua rakyat yang ada disini, kita harus susun dan kita akan turun ke jalan raya untuk rampas kembali kuasa kita! Boleh atau tidak?! Boleh atau tidak?! Boleh atau tidak?! Kita tak banyak masa lagi, semua siap sedia, beli kasut, beli tracksuit, beli seluar jeans, sedia kita akan turun ke jalan raya sebab akhirnya dalam dunia ketiga macam negara Malaysia, pilihan raya takkan tumbangkan kerajaan kita. Yang boleh tumbangkan kerajaan hanyalah kuasa rakyat. Sedara, ingat, ini sahaja peluang yang kita ada. Lagi dua puluh tahun, tiga puluh tahun, kalau hari ini kita tak ambil tindakan yang berani, kita akan menyesal dan kita terpaksa hadap anak-anak dan cucu-cucu kita yang terus menerus menyalahkan kita sebab tak buat apa-apa bila ditipu dalam pilihanraya. Pesanan terakhir, bila kita ditipu dalam pilihan raya, kita turun jalan raya! Tipu pilihanraya, kita turun jalan raya! Cukup.

Terhadap responden 2 (Tian Chua)

Dan kita sebagai pemimpin wajib untuk dengar dan wajib untuk ikut. Kalau rakyat sudah bersedia, kalau rakyat sudah bersedia untuk bangkit, untuk turun ke jalan raya, setiap pemimpin baik kita Pakatan Rakyat atau sesiapa pun, ini kita harus ikut, dan kali ini, ini bukan isu Pakatan menang atau Barisan Nasional menang. Ini adalah hak rakyat yang kita harus pertahankan. Tidak ada manusia yang bermaruah akan membenarkan orang-orang yang rasuah untuk pijak dan menindas kita. Ayuh, kita bangkit, bangkit, bangkit, bangkit lawan rasis. Bangkit lawan rasuah, bangkit lawan kezaliman, dan kita sebagai aktivis, sebagai pemimpin kita harus ikut arus dan gelombang yang dicetus oleh kesedaran rakyat dan saya yakin dengan kehadiran malam ini kita lihat anak Malaysia sekarang sudah bersedia, dan anak Malaysia akan bangkit untuk pertahankan hak kita.

Terhadap responden 3 (Muhammad Safwan)

Pertembungan hari ini ialah pertembungan rakyat dengan rejim yang zalim tuan tuan pilihanraya tak berakhir lagi bagi kita pilihanraya tak berakhir di sini lagi betul tak tuan tuan kita masih ada dalam suasana pilihanraya dan kita tahu rakyat harini sedia untuk keluar bersama sama dengan rakyat kita buktikan kuasa rakyat kuasa paling agung tuan tuan ... atas sebab itu tuan tuan kena pilih harini harini tiga protes dibuat di dataran merdeka sekarang juga berlangsung di Puduraya di Chinese Assembly Hall yang semalam di Ipoh ini adalah rentetan daripada himpunan himpunan rakyat yang nak menunjukkan kepada kita semua mesej yang cukup jelas kita tak boleh bagi kepercayaan kepada kerajaan yang namanya umno barisan nasional ...

Terhadap responden 4 (Tamrin Ghafar)

Tuan-tuan dan puan-puan sudah sampai masanya kita menolak kerajaan yang ada hari ini dia rampas kuasa rakyat yang control Mahkamah dia control ***dia control Suruhanjaya Pilihanraya. Dia control polis dan berbagai-bagai lagi bagaimana kita nak menang dalam mahkamah kerana ini semua adalah di bawah kuasa mereka betul atau tidak. Jadi jawabnya tak lain tak bukan saya juga bersetuju supaya kita ke jalan raya untuk menuntut hak kita ... this is the time we don't have much time kerana mereka terus menipu rakyat mereka terus menggunakan duit rakyat untuk menang pilihanraya ini tuan tuan jadi tuan tuan sekalian saya berharap cadangan saya supaya wujudkan gerakkan anti perkauman ini kita wujudkan kita tubuhkan dalam masa yang singkat ini dengan harapan seluruh rakyat Malaysia hidup berkaum akan menerus bersama sama meneruskan perjuangan ini.

Terhadap responden 5 (Haris Ibrahim)

Jadi, kita sudah setuju, tak ada jalan lain, kita turun jalan raya dan mengambil balik Putrajaya. Tuan tuan dan puan puan. Kita sudah sampai satu simpang. Sudah jelas, kalau kita menunggu PRU 14, lagi 5 tahun, lagi penipuan kita akan menghadapi. Rakyat sudah tak sabar lagi, betul? Betul? Ini kalilah! Ini kalilah! Insyallah tuan-tuan dan puan-puan, 17-18 haribulan, kita akan turun ke jalan raya dan kali ini, rakyat ambil Putrajaya!

Terhadap responden 6 (Hishamuddin Rais)

Pada malam ini, pada malam ini, dewan ini, harus, wajib meluluskan resolusi tiga perkara ini untuk diajukan kepada pemimpin politik dan dan and and, kita mesti keluar ke jalanraya. We have to come out to the street! We have to come out to the street! Membaca politik ini amat senang. Apa yang disukai oleh Najib itu adalah jalan salah. Apa yang disukai oleh Mahathir adalah jalan salah. Apa yang tidak disukai oleh Najib itu jalan yang betul. Jalan raya adalah jalan betul. Ibu-ibu, bapak-bapak kawan-kawan, my dearest friends comrades, young people. Finally, this planet earth belongs to you! Akhirnya dunia ini adalah untuk anak anak muda. Kerana itu, susunlah satu gerakan yang besar. Kita turun ke jalan raya! Susunlah satu gerakan yang besar! Ini janji kita, ini janji kita, tipu pilihanraya, turun jalanraya! This not a threat! Ini bukan satu ancaman! Ini satu janji! This is not a threat! This is a promise! Terima kasih banyak banyak. Hidup rakyat! Reformasi!

[8] Jelas, ucapan setiap responden adalah berbeza-beza. Pihak pendakwaan atau pemohon mendakwa bahawa ucapan setiap responden berkecenderungan untuk menghasut rakyat Malaysia untuk mengubah kerajaan yang memerintah melalui jalan yang tidak sah menurut undang-undang Malaysia. Walau apa pun, persoalan sama ada ucapan setiap responden tersebut berupa hasutan dan menjadi satu kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948 hanya akan dapat ditentukan dan diputuskan oleh mahkamah bicara setelah satu perbicaraan diadakan.

Hujahan

[9] Puan TPR yang bijaksana dalam penghujahannya telah merujuk kepada peruntukan di bawah s. 170 KTJ dan berhujah bahawa Mahkamah mempunyai kuasa budi bicara sama ada untuk membicarakan beberapa orang tertuduh secara berasingan atau secara bersama. Seksyen 170 KTJ dihujahkan telah memberikan pengecualian kepada prinsip asas iaitu seorang tertuduh satu perbicaraan. Puan TPR berpegang kepada keputusan dalam kes-kes *Ibrahim Amat v. PP* [2011] 9 CLJ 153; *Datuk Hj Wasli Mohd Said v. PP & Another Case* [2006] 6 CLJ 1 dan *SA Jamil Md Yusof v. PP* [2002] 7 CLJ 132; [2002] 6 MLJ 106.

[10] Seterusnya puan TPR mengulangi hujahan yang sama semasa di hadapan puan HMS iaitu bahawa semua responden dituduh melakukan kesalahan menghasut pada tarikh dan masa yang sama, di tempat yang sama, di dalam satu program ceramah yang sama yang dibahagikan kepada beberapa slot bagi setiap responden serta melibatkan saksi-saksi serta barang kes yang sama. Dihujahkan bahawa terdapat continuity of action, common purpose or design iaitu menghasut dan dengan itu merupakan satu transaksi yang sama. Oleh itu dihujahkan s. 170 KTJ terpakai. Puan TPR turut merujuk kepada kes-kes *Chin Choy v. Public Prosecutor* [1955] 1 LNS 17; [1955] 1 MLJ 236 dan *Shaafie Saibi v. PP* [2009] 3 CLJ 364.

[11] Encik Gobind Singh Deo, peguambela terpelajar bagi responden 5 dan bagi pihak peguambela kesemua responden yang lain telah menghujahkan s. 170 KTJ boleh terpakai dalam keadaan tertentu apabila perbicaraan bersama tidak akan menimbulkan sebarang prejudis atau ketidakadilan terhadap mana-mana pihak terutama responden-responden. Jika terdapat keraguan tentang kemungkinan berlakunya prejudis atau ketidakadilan kepada mana-

mana pihak, maka lebih elok perbicaraan diadakan secara berasingan. Ini adalah penting untuk mengelak daripada risiko perbicaraan bersama tersebut diisytiharkan tidak sah di peringkat rayuan. Peguambela merujuk kepada keputusan dalam kes *Datuk Hj Wasli (supra)* dan *Chin Choy (supra)*.

[12] Peguambela seterusnya menyatakan semua enam responden telah dipertuduhkan secara berasingan dengan satu pertuduhan yang berasingan bagi setiap responden. Pertuduhan bagi setiap responden berdasarkan kepada ucapan yang telah diberikan oleh setiap responden. Ucapan tersebut tidak diberikan pada masa yang sama dan berlainan kandungan antara satu sama lain walaupun dalam satu majlis ceramah yang sama. Hanya bahagian-bahagian yang digariskan dalam transkrip ucapan responden-responden yang didakwa mempunyai kecenderungan untuk menghasut. Dihujahkan pihak mahkamah akan menentukan sama ada ucapan tersebut berkecenderungan untuk menghasut. Sekiranya perbicaraan bersama diadakan, berkemungkinan hakim bicara akan terpengaruh dengan ucapan lain-lain responden dalam menentukan ucapan seorang responden itu sebagai menghasut. Begitu juga dalam menentukan ucapan lain-lain responden yang dibicarakan secara bersama. Sekiranya keadaan ini berlaku, dihujahkan akan menimbulkan prejudis dan ketidakadilan terhadap responden-responden dalam perbicaraan bersama tersebut.

[13] Peguambela juga berhujah bahawa hakim bicara yang akan mendengar perbicaraan terhadap responden-responden telah pun membuat keputusan menolak perbicaraan bersama. Hakim bicara tersebut berhak untuk membuat keputusan sedemikian dan peguambela berhujah tidak ada timbul sebarang kesalahan, ketidakaturan atau ketidaksesuaian perintah yang telah dibuat oleh hakim bicara tersebut untuk mahkamah atasan menyemak dan mengubah keputusan hakim bicara tersebut. Peguambela juga menghujahkan bahawa kesalahan hasutan perlu dibezakan dengan lain-lain kesalahan.

Keputusan

[14] Seksyen 323 KTJ telah memberikan kuasa budi bicara yang cukup luas kepada mahkamah ini untuk menyemak keputusan, dapatan atau perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah bawahan dari segi ketepatan (correctness), keesahan (legality) atau kesesuaiannya (propriety). Untuk tujuan itu, mahkamah ini telah mendapatkan rekod asal prosiding mahkamah bawahan tersebut.

[15] Seksyen 170 KTJ pula memberikan kuasa budi bicara sepenuhnya kepada hakim bicara untuk membenarkan perbicaraan secara bersama. Setiap kuasa budi bicara bagaimanapun hendaklah dijalankan secara keadilan (judiciously). Seksyen 170 KTJ berbunyi seperti berikut:

> 170. When persons may be charged jointly.
>
> (1) When more persons than one are accused of the same offence or of different offences committed in the same transaction, or when one person is accused of committing an offence and another of abetment of or attempt to commit the same offence, they may be charged and tried together or separately as the Court thinks fit, and the provisions contained in the former part of this Chapter shall apply to all such charges.
>
> (2) Persons accused of an offence which includes theft, extortion, criminal breach of trust, cheating or criminal misappropriation, and persons accused of receiving or retaining, or assisting in the disposal or concealment of, property possession of which is alleged to have been transferred by any such offence committed by the first named persons, or of abetment of or attempting to commit any such last-named offence, may be charged and tried together.

[16] Pihak pendakwaan boleh membuat permohonan dalam keadaan-keadaan yang dinyatakan di bawah s. 170 KTJ untuk perbicaraan diadakan secara bersama namun kata akhir adalah di tangan hakim bicara dalam menentukannya. Dalam membuat keputusannya, seorang hakim bicara hendaklah mengambilkira mengenai kesesuaian perbicaraan diadakan secara bersama setelah menimbangkan faktor prejudis dan keadilan kepada semua pihak terutama pihak tertuduh.

[17] Dalam kes *Public Prosecutor v. Loh Ang Sing* [1964] 1 LNS 145; [1979] 2 MLJ 129, Lee Hun Hoe JC (kemudian HB (Borneo)) telah memutuskan seperti berikut:

> If the prosecution wishes to apply for joint trial it is for the prosecution to justify it. The prosecution has all the facts and should have little difficulty in making out a good case for joint trial. Even though an offence or offences are committed in the same transaction it is still a matter for the presiding magistrate to decide whether accused should be tried together or separately.

How he is going to exercise his discretion must necessarily depend on the facts of each case. The discretion must of course be exercised judiciously.

[18] Setelah menyemak rekod prosiding, hakim bicara dalam kes ini telah menolak permohonan pendakwaan untuk perbicaraan secara bersama setelah mengambilkira bantahan peguambela mengenai isu prejudis dan ketidakadilan yang bakal timbul terhadap responden-responden. Hakim bicara adalah berhak untuk membuat keputusan menolak permohonan pihak pendakwaan tersebut setelah mendapati pertuduhan-pertuduhan terhadap responden-responden tidak sesuai untuk dibicarakan secara bersama.

[19] Dalam kes *Datuk Hj Wasli Mohd Said (supra)*, Abdul Hamid Embong J (sekarang HMP) di ms. 24 mengenai pandangan yang sama tentang kemungkinan berlakunya prejudis dan ketidakadilan, seperti berikut:

[42] Lastly, I need also mention that if WMS and KG were jointly tried, the prosecution needs to establish the guilt of each of the accused as a separate exercise. In exercising this discretion, I need to remind myself that both the accused persons may be subjected to a long trial complicated by the admission of evidence which may be relevant to one but not to the other. If that happened, then the court may be prejudiced by evidence that would be irrelevant if they were separately tried. The evidence against WMS and KG in the case of a joint trial would certainly be jumbled together, there may be a danger that the evidence would not be separately considered on the basis of its admissibility against each accused person, as happened in *Loh Shak Mow v. Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 362.

[43] All considered, I feel that it would be in the interest of justice that I disallow this application for a joinder.

[20] Setelah menyemak rekod prosiding dan mendengar hujahan pihak-pihak, mahkamah ini berpuas hati bahawa perintah hakim bicara tersebut adalah tepat, sah dan sesuai di dalam keadaan kes terhadap responden-responden di sini. Perintah hakim bicara tersebut wajar dikekalkan. Tiada merit dalam permohonan pemohon untuk mengubah perintah hakim bicara tersebut dan dengan itu ditolak.